



REFORMASI

SISTEM PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA



Reformasi sistem perundangan dan kehakiman syariah di Malaysia merupakan suatu usaha pembaikan (islah) dan pembaharuan (tajdid) yang berterusan sepanjang sejarah pembinaan ketamadunan negara. Proses reformasi ini berkaitan rapat dengan sejarah kedatangan Islam di rantau Asia Tenggara yang boleh dipecahkan kepada tiga zaman, iaitu zaman prapenjajahan, zaman penjajahan British dan zaman selepas kemerdekaan.

Pada zaman prapenjajahan, kesultanan Melayu seperti Kesultanan Melaka menggunakan undang-undang syariah secara meluas dalam urusan

pentadbiran dan kehakiman. Sultan sebagai ketua agama akan memastikan undang-undang syariah dilaksanakan dalam urusan harian dan permasalahan masyarakat.

Hal ini terbukti dalam pelaksanaan Undang-undang Melaka. Dokumen perundangan ini yang juga dikenali sebagai Hukum Kanun Melaka mengandungi undang-undang yang berasaskan syariah dan adat Melayu, serta mencerminkan penerimaan dan pengamalan undang-undang Islam dalam sistem kehakiman pada era kesultanan Melayu serantau.

Kemudian, ketika British menguasai Tanah Melayu pada sekitar abad ke-19, mereka memperkenalkan undang-undang sivil Barat dalam sistem perundangan dan kehakiman di Tanah Melayu. Akan tetapi, mereka juga membenarkan undang-undang Islam digunakan

hal ehwal peribadi seperti perkahwinan, warisan dan pewarisan dalam kalangan orang Melayu dan umat Islam. Antara perkembangan undang-undang Islam era British termasuklah pengenalan mahkamah syariah. British membenarkan penubuhan mahkamah syariah untuk mengendalikan kes yang berkaitan dengan hal ehwal Islam. Walau bagaimanapun, kuasa mahkamah syariah terhad dan berada di bawah pengawasan mahkamah sivil. Pada zaman selepas kemerdekaan pada tahun 1957, mahkamah syariah telah dibentuk dan bertujuan untuk memperkukuh institusi Islam termasuk mahkamah syariah telah digerakkan. Setiap negeri diberikan kuasa untuk menggubal dan melaksanakan undang-undang syariah melalui enakmen negeri masing-masing. Antara usaha dan langkah reformasi undang-undang syariah pascakemerdekaan hingga kini termasuklah:

Pindaan Perlembagaan 1988: Pindaan Perlembagaan 121(1A) Perlembagaan Persekutuan Malaysia menyatakan bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa terhadap perkara dalam bidang kuasa mahkamah syariah. Hal ini memberikan autonomi yang lebih besar kepada mahkamah syariah.

Penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada Tahun 1998: JKSM ditubuhkan untuk menyelaraskan dan memantau pentadbiran kehakiman syariah di seluruh negara. JKSM bertanggungjawab memastikan kecekapan dan keseragaman dalam pelaksanaan undang-undang syariah.

Penggubalan Enakmen Syariah Negeri: Setiap negeri di Malaysia telah menggubal enakmen syariah masing-masing untuk mentadbir undang-undang Islam dalam bidang kuasa negeri.

Bidang Kuasa Mahkamah Syariah: Mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa ke atas perkara berkaitan dengan undang-undang keluarga Islam seperti perkahwinan, perceraian dan pewarisan, serta beberapa isu jenayah syariah seperti *qazaf* dan zina.

Pengukuhan Institusi Syariah: Pelbagai institusi dan badan sokongan seperti Sulh, Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dan

Akademi Kehakiman Syariah Malaysia (AKSM) ditubuhkan untuk menyokong dan meningkatkan keberkesanan sistem kehakiman syariah.

vi. **Penyelarasan Undang-undang Syariah:**

Usaha berterusan dijalankan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan undang-undang syariah pada peringkat kebangsaan, walaupun terdapat perbezaan dalam enakmen negeri.

vii. **Pemeriksaan Peranan JKSM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM):**

JKSM dan JAKIM berperanan menyediakan panduan, latihan dan penyelarasan berkaitan dengan undang-undang syariah, serta memastikan pelaksanaan yang seragam di seluruh negara.

Jelas bahawa usaha reformasi sistem perundangan dan kehakiman syariah di Malaysia telah melalui evolusi yang panjang dan kompleks, dari zaman kesultanan Melayu hingga era masa ini. Dengan peranan penting yang dimainkan oleh pelbagai institusi pada peringkat persekutuan dan negeri, serta penerapan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap kepentingan syariah dalam kehidupan, kini undang-undang syariah diiktiraf dalam Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah syariah pula terus berkembang sebagai institusi penting dalam sistem perundangan Malaysia, khususnya mengendalikan hal ehwal berkaitan dengan agama dan umat Islam.

Peranan JKSM Menjayakan Agenda Reformasi

Pada masa ini, JKSM merupakan antara institusi induk yang diberikan peranan khusus bagi menjayakan agenda reformasi perundangan dan kehakiman syariah di Malaysia. Peranan utamanya adalah untuk menyelaraskan dan menambah baik pengurusan dan perkhidmatan mahkamah syariah, termasuklah meningkatkan kecekapan dan profesionalisme institusi berkenaan menerusi kaedah yang berikut:

i. **Latihan dan Pembangunan Profesional:**

JKSM menyediakan program latihan dan pembangunan profesional untuk hakim dan pegawai syariah melalui latihan dalam dan luar negara. Pewujudan AKSM merupakan

- komitmen dan usaha kerajaan untuk memberikan sokongan yang berterusan terhadap pemeraksanaan mahkamah syariah.
- ii. **Penyelarasan dan Pemantauan:** JKSM menyelaraskan dan memantau pentadbiran kehakiman syariah di seluruh negara, serta memastikan keseragaman dan kecekapan dalam pelaksanaan undang-undang melalui medium seperti Mesyuarat Ketua Pendaftar Seluruh Malaysia dan penyediaan Arahan Amalan yang jawatankuasa kerjanya terdiri daripada pegawai yang dilantik dari seluruh Malaysia.
 - iii. **Penyelidikan dan Pembangunan:** JKSM juga terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan undang-undang syariah, serta membantu dalam penggubalan dan penambahbaikan undang-undang yang sedia ada.
 - iv. **Penyediaan Sumber dan Rujukan:** JKSM menyediakan pelbagai sumber dan rujukan sama ada melalui manual ataupun sistem untuk membantu hakim dan pegawai syariah menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan. Sistem Koha JKSM mempunyai koleksi pelbagai rujukan undang-undang termasuklah koleksi penghakiman mahkamah rendah dari seluruh Malaysia.

Setelah hampir 26 tahun kewujudan JKSM, ternyata banyak penambahbaikan terhadap kecekapan dan profesionalisme sistem perundangan dan kehakiman syariah negara.

Pengesyoran Pindaan Akta 121(1A)

Selain sumbangan institusi, peranan individu juga penting dirakamkan bagi menjayakan reformasi sistem perundangan dan kehakiman syariah di Malaysia. Dalam konteks ini, sumbangan Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim dan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim hendaklah dihargai terutamanya peranan dan pelibatan mereka dalam pengesyoran dan pelaksanaan pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1998. Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan adalah berkenaan dengan kuasa kehakiman persekutuan apabila Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak serta mahkamah bawahannya ditubuhkan.

Sebelum tahun 1988, beberapa kes yang berkaitan dengan undang-undang diri orang Islam dan persoalan hukum Islam telah didengarkan diputuskan di mahkamah sivil. Contohnya, kes *Iwn* Mohamed Ariff berkenaan dengan hak jagaan anak orang Islam. Begitu juga terdapat keputusan mahkamah syariah atau mahkamah kadi telah disemak semula oleh mahkamah sivil. Keadaan dilihat sebagai berlakunya campur tangan kehakim sivil terhadap kuasa dan bidang kuasa mahkamah syariah.

Oleh itu, timbul desakan agar Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi menyelesaikan isu campur tangan kehakim antara mahkamah sivil dengan mahkamah syariah. Pindaan dibuat dengan menambah subfasal: "Mahkamah-mahkamah yang disebut dalam tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah syariah."

Pindaan tersebut telah memberikan impak besar dan penting terhadap perkembangan perundangan dan kehakiman syariah di Malaysia dekad seterusnya. Maka itu, autonomi yang besar telah diberikan kepada mahkamah syariah dan pada masa yang sama mereka bebas membuat keputusan tanpa campur tangan mahkamah sivil. Hal ini memperkukuh kedudukan mahkamah syariah dalam sistem kehakiman Malaysia dan mengukuhkan pertindihan bidang kuasa antara kedua-dua mahkamah.

Kesinambungan Langkah Reformasi

Kejayaan penting yang dicapai dalam konteks reformasi perundangan dan kehakiman syariah tersebut tidak bermakna usaha dan agenda penambahbaikannya sudah terhenti pada hari ini. Pada hakikatnya, terdapat sejumlah isu perundangan dan kehakiman syariah yang masih memerlukan usaha dan langkah reformasi berterusan hadapannya. Pada pandangan penulis, antara cabaran dalam bidang perundangan dan kehakiman syariah yang mesti terus ditangani dan ditangani di negara kita pada masa sekarang termasuk:

1 Konflik Bidang Kuasa

Konflik bidang kuasa antara mahkamah syariah dengan mahkamah sivil terus

terutama dalam kes seperti pertukaran agama dan hak penjagaan anak.

2 Pemahaman Masyarakat

Terdapat kekurangan tahap kesedaran dan pemahaman dalam kalangan masyarakat tentang fungsi dan bidang kuasa mahkamah syariah.

3 Pelaksanaan Hukuman

Pelaksanaan hukuman syariah seperti hukuman sebat kadangkala menimbulkan kontroversi dan perdebatan dalam kalangan masyarakat yang lebih luas.

4 Hak Asasi Manusia

Terdapat kebimbangan bahawa sesetengah undang-undang syariah mungkin bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Keempat-empat isu dan cabaran perundangan dan kehakiman syariah tersebut mesti ditangani bersandarkan pengetahuan yang menyeluruh serta tindakan yang tertib dan berhikmah oleh sistem perundangan dan kehakiman syariah negara kita. Secara langsung hal tersebut menzahirkan keutuhan wawasan dan keuniversalan nilai sistem perundangan dan kehakiman syariah dalam usaha menangani isu dan cabaran semasa pada hari ini.

Merealisasikan Pindaan RUU Akta 355

Dalam usaha menangani cabaran semasa, pihak kerajaan pada hari ini telah memberikan komitmen terhadap usaha untuk merealisasikan pindaan Rang Undang-undang (RUU) Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau dikenali sebagai Akta 355.



Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim berucap merasmikan Konvensyen Memartabatkan Perundangan dan Kehakiman Syariah Malaysia di Putrajaya, pada 15 Julai 2024.

Semasa ucapan perasmian Konvensyen Memartabatkan Perundangan dan Kehakiman Syariah Malaysia pada 15 Julai 2024 yang lalu, YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menyentuh berkaitan dengan RUU Mahkamah Syariah. Selain komitmen, beliau mengingatkan agar suatu proses libat urus menyeluruh dilaksanakan dengan melibatkan pakar perundangan tempatan dan luar negara bagi memastikan RUU yang akan dibentangkan nanti diterima oleh seluruh rakyat dan menjadi contoh terbaik kepada masyarakat dunia. Yang lebih penting, RUU tersebut memenuhi prinsip keadilan dan maqasid syariah yang dianjurkan oleh agama Islam.

Untuk kefahaman, mahkamah syariah di negara kita pada hari ini mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan sebagaimana yang dinyatakan dalam Butiran 1 Senarai Negeri Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan. Selaras dengan peruntukan ini, Parlimen telah membuat Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) yang memberikan bidang kuasa jenayah kepada mahkamah syariah yang ditubuhkan di negeri-negeri untuk membicarakan kesalahan di bawah hukum syarak.

Akta ini pada asalnya dinamakan *Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) Act 1965 (No. 23 of 1965)* (Akta 23) yang memperuntukkan bidang kuasa mahkamah syariah untuk membicarakan kesalahan jenayah syariah terhadap kepada hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi seribu ringgit atau kedua-duanya. Dari segi sejarahnya, pindaan terhadap akta ini telah pun berlaku beberapa kali sebelum ini. Pindaan pertama adalah pada tahun 1984, iaitu *Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) (Amendment) Act 1984 (Act A612)* meningkatkan bidang kuasa jenayah mahkamah syariah kepada penjara tidak lebih daripada tiga tahun, denda tidak melebihi RM5,000, sebatan tidak lebih daripada enam kali sebatan; atau apa-apa gabungan hukuman tersebut.

Pindaan kedua pula adalah pada tahun 1989, iaitu:

- Memperluas pemakaian Akta Mahkamah Syariah ke Sabah dan Sarawak; dan
- Mengesahkan bidang kuasa yang telah dilaksanakan oleh mahkamah syariah di kedua-dua negeri tersebut bagi maksud supaya apa-apa yang dilakukan oleh mahkamah syariah di Sabah dan Sarawak tidak dicabar sebagai

tidak sah kerana tidak mematuhi kehendak Perlembagaan Persekutuan sebelum tarikh Akta Mahkamah Syariah diperluas pemakaiannya ke Sabah dan Sarawak.

Sejak pindaan terhadap bidang kuasa jenayah mahkamah syariah pada tahun 1984 dibuat, hingga kini bidang kuasa mahkamah syariah ini tidak lagi dipinda. Pada tahun 2022, cadangan dasar pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2022. RUU Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pada 7 Oktober 2022, namun RUU tersebut tidak sempat dibentangkan di Parlimen kerana terdapat perubahan kerajaan selepas Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15.

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 merupakan isu yang dekat di hati umat Islam di negara ini dalam usaha memperkasakan bidang kuasa mahkamah syariah. Namun begitu, pada masa yang sama, kerajaan juga perlu mengambil kira sensitiviti serta persepsi orang bukan Islam yang tidak memahami matlamat sebenar pindaan tersebut.

Salah Faham Masyarakat terhadap Pindaan Akta 355

Pindaan terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 juga telah menjadi polemik dalam kalangan masyarakat dan perkara ini mengakibatkan salah faham terhadap tujuan dan pemakaian Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Antara salah faham yang sering diperkatakan dalam kalangan masyarakat termasuklah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 terpakai kepada orang bukan Islam, dan pindaan yang dibuat akan membolehkan hudud dilaksanakan di Malaysia.

Inilah salah faham yang tersebar dalam kalangan masyarakat dan rakyat Malaysia. Pada hakikatnya, pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) bertujuan untuk:

- i. Pemerksaan institusi kehakiman syariah melalui peningkatan had bidang kuasa jenayah mahkamah syariah kerana kadar hukuman yang sedia ada terlalu rendah dan tidak realistik.
- ii. Menaikkan kadar hukuman yang lebih relevan selaras dengan perkembangan semasa.

- iii. Membolehkan negeri-negeri memperuntuk hukuman yang lebih tinggi dalam undang-undang Islam mengikut had bidang kuasa jenayah mahkamah syariah yang baharu berdasarkan keseriusan sesuatu kesalahan.

Kerajaan mengharapkan agar hasrat pindaan ini tidak dijadikan polemik atau bahan politik pih tertentu. Sekiranya pindaan berjaya direalisasikan, hal tersebut merupakan suatu bentuk refc penting dalam aspek had bidang kuasa jenayah mahkamah syariah di negara kita. Pindaan ini s langsung akan mengangkat martabat perundangan dan kehakiman syariah dalam sistem perundangan dan kehakiman negara secara menyeluruh.

Agenda Reformasi Perundangan dan Kehakiman Syariah Malaysia

Antara agenda reformasi sistem perundangan c kehakiman syariah lain yang sedang diberikan tumpuan oleh kerajaan pada hari ini termasuklah berkaitan dengan usaha dan langkah untuk menyeragamkan undang-undang syariah di seluruh negeri di Malaysia. Undang-undang merupakan undang-undang negeri yang digub peringkat negeri dan diluluskan di Dewan Unde setiap negeri kecuali di Wilayah Persekutuan y digubal oleh Parlimen.

Persekutuan Malaysia terdiri daripada 14 bu negeri termasuk Wilayah Persekutuan. Oleh itu isu berkaitan dengan keselarasan dan keserag undang-undang apabila penggubalan undang-tersebut dilakukan oleh setiap pihak berkuasa negeri. Bagi mengelakkan ketidakseragaman i Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kera Negeri-negeri telah mengambil beberapa usah langkah untuk menyeragamkan undang-undar syariah di seluruh negeri di Malaysia, iaitu:

- a. **Penyelarasan melalui Majlis Kebangsa bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia**
MKI memainkan peranan penting dalam menyelaraskan dasar dan undang-undang syariah pada peringkat kebangsaan.
- b. **Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syariah**
Jawatankuasa yang kini dijenamakan dengan nama Jawatankuasa Perundang

Islam Kebangsaan ini banyak membantu merumuskan dan menyeragamkan enakmen syariah antara negeri.

Konsultasi dengan Pihak Berkuasa Negeri
Pihak JAKIM dan JKSM terus mengadakan perbincangan dan konsultasi berterusan dengan pihak berkuasa agama negeri untuk memastikan keseragaman dalam pelaksanaan undang-undang syariah.

Pendidikan dan Latihan

Penyediaan latihan dan program pendidikan untuk pegawai syariah di seluruh negara bagi memastikan pemahaman dan pelaksanaan undang-undang syariah yang seragam.

Pelantikan Hakim Rayuan JKSM sebagai Hakim Rayuan Syariah Negeri

Melalui keselarasan pelantikan, satu keseragaman dapat diperoleh dalam perintah dan penghakiman pada peringkat mahkamah tertinggi seluruh negara. Penghakiman yang diberikan pada akhirnya akan dirujuk oleh mahkamah bawahan untuk keselarasan pada peringkat mahkamah tinggi dan mahkamah rendah syariah seluruh negara.

Agenda reformasi dalam aspek penyeragaman undang-undang syariah akan memberikan kesan terhadap keselarasan sistem perundangan kehakiman syariah dalam usaha merealisasikan Islam secara teratur dan tertib melibatkan Islam di seluruh negara. Demi mengangkat martabat perundangan dan kehakiman syariah di Malaysia, kerajaan juga bersetuju supaya reformasi perkhidmatan perundangan dan kehakiman dilaksanakan dengan mewujudkan Saraan Hakim Syariah.

Untuk mengetahui bahawa negara kita mempunyai dua sistem kehakiman, iaitu sivil dan syariah. Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, pelantikan hakim mahkamah atasan dan saraan mempunyai undang-undang tersendiri, iaitu Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Akta 695) dan Saraan Hakim (Akta 45). Namun begitu, hal ini berbeza daripada mahkamah syariah sekarang yang mempunyai undang-undang berkenaan. Hakim sivil terdiri daripada penjawat awam yang menerima gaji berdasarkan sistem gaji perkhidmatan awam, manakala seperti pegawai awam yang lain seperti



Konvensyen Memartabatkan Perundangan dan Kehakiman Mahkamah Syariah Malaysia membuka ruang perbincangan ke arah memperkasakan sistem perundangan dan kehakiman mahkamah syariah di Malaysia.

Pegawai Tadbir dan Diplomatik, jurutera dan guru. Perkara ini menyebabkan berlaku ketidaksetaraan apabila status hakim syaria sebagai penjawat awam berbeza daripada hakim mahkamah atasan sivil.

Dalam konteks demi mengangkat kedudukan para hakim syaria, maka Suruhanjaya Kehakiman Syariah penting diwujudkan bagi melantik hakim yang berwibawa secara berkecuali. Suruhanjaya ini juga akan memastikan pengasingan kuasa yang jelas antara tiga struktur pentadbiran negara, iaitu kehakiman, legislatif dan eksekutif.

Buat masa ini, hakim syaria dilantik berdasarkan akta atau enakmen mahkamah syariah atau pentadbiran undang-undang Islam, iaitu wujud pelibatan eksekutif dalam pelantikan mereka. Maka itu, menerusi pewujudan Suruhanjaya Kehakiman Syariah ini, kebebasan kehakiman akan dapat dipelihara dan diperteguh, seterusnya meninggikan status mahkamah syariah sebagai institusi kehakiman yang berwibawa, berintegriti dan dihormati oleh semua pihak. Usaha menjayakan agenda reformasi sistem perundangan dan kehakiman syariah menuntut ketelitian dan pelibatan semua pihak secara menyeluruh. Hal ini juga tentu sekali tidak boleh dilaksanakan secara terburu-buru dalam jangka yang singkat dan pendek.

Selain perkara tersebut, antara agenda reformasi yang sedang diberi fokus oleh Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) kini juga termasuklah penambahbaikan proses perundangan dalam Undang-undang Tatacara Mal yang berteraskan orientasi keluarga. Untuk kefahaman kita, di mahkamah syariah, terdapat dua set undang-undang yang

melengkapi antara satu dengan lain, iaitu undang-undang substantif (seperti Undang-undang Keluarga Islam dan Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah) dan juga undang-undang prosedural (seperti Undang-undang Tatacara Mal). Pelaksanaan undang-undang akan berkesan jika kedua-dua set undang-undang ini baik dan memenuhi kehendak masyarakat, khususnya untuk memperoleh keadilan mahkamah dengan cara yang cepat, betul dan berkesan.

Undang-undang Tatacara Mal sedia ada merupakan cedokan daripada Undang-undang Acara Mahkamah Sivil dengan penyesuaian terhadap prinsip hukum syarak. Penulis berpendapat bahawa Undang-undang Tatacara Mal sedia ada perlu dikaji semula agar lebih berteraskan orientasi keluarga. Undang-undang Tatacara Mal yang berteraskan orientasi keluarga dapat memperbaiki proses perundangan dengan cara yang berikut:

- 1 Mengurangkan tekanan emosi yang dihadapi oleh ahli keluarga dengan memastikan proses perundangan lebih sensitif terhadap keperluan dan keadaan mereka.
- 2 Mempercepat proses penyelesaian kes keluarga dengan memperkenalkan prosedur yang lebih mudah dan langsung.
- 3 Meningkatkan kepuasan ahli keluarga terhadap proses perundangan dengan menyediakan persekitaran yang lebih menyokong dan mesra.
- 4 Memastikan keputusan yang adil dan saksama dengan mengambil kira kepentingan terbaik untuk semua ahli keluarga.

Bagi tujuan penambahbaikan proses perundangan tersebut, langkah spesifik yang akan diambil termasuklah:

- 1 **Penyemakan Semula Perundangan**
Menyemak semula perundangan sedia ada untuk mengenal pasti dan membaiki kekurangan yang menghalang keadilan dan kesejahteraan keluarga.
- 2 **Konsultasi dengan Pakar Keluarga**
Melibatkan pakar dalam bidang keluarga, psikologi dan sosiologi dalam proses penyemakan dan pindaan undang-undang.

- 3 **Latihan kepada Pegawai Kehakiman**
Memberikan latihan khusus kepada hakim dan pegawai kehakiman tentang pendekatan mesra keluarga dalam pengendalian kes.
- 4 **Kempen Kesedaran Awam**
Melancarkan kempen kesedaran awam tentang hak dan prosedur undang-undang yang berteraskan orientasi keluarga.
- 5 **Latihan dan Pembangunan Profesional**
Menyediakan latihan dan pembangunan profesional yang berteraskan untuk hakim dan pegawai syariah melalui institut seperti Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Institut Latihan Islam Malaysia dan penubuhan akademi latihan di bawah JKSM.
- 6 **Penggunaan Teknologi**
Mengintegrasikan teknologi dalam proses kehakiman syariah seperti penggunaan pemfailan elektronik (e-filing) dan sistem pengurusan kes yang lebih canggih.

Teknologi dalam Agenda Reformasi

Agenda reformasi perundangan dan kehakiman syariah menuntut usaha penyesuaian seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Teknologi, instrumen dan kaedah baharu akan diperkenalkan bagi membantu proses pencapaian serta kecekapan masa dan pengurusan perundangan dan kehakiman syariah. Pada masa ini, usaha gigih sedang dilakukan bagi meningkatkan penggunaan teknologi, termasuklah:

- 1 **E-Pemfailan**
Menggunakan sistem e-pemfailan untuk memudahkan proses pemfailan kes mengurangkan masa pemprosesan.
- 2 **Pengurusan Kes Berasaskan Teknologi Maklumat atau Pendigitalan**
Menggunakan sistem pengurusan berasaskan teknologi maklumat untuk meningkatkan kecekapan dan ketepatan dalam pengurusan kes.
- 3 **Pendidikan dan Latihan Digital**
Menyediakan platform pendidikan digital untuk hakim dan pegawai syariah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.

Akses kepada Maklumat

Menyediakan akses kepada maklumat undang-undang dan alasan penghakiman melalui portal dalam talian, yang memudahkan rujukan dan penelitian kes oleh semua pihak yang berkepentingan.

Penyelidikan dan Pembangunan

Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang undang-undang syariah untuk menghasilkan dasar yang lebih baik.

4 Masyarakat Merealisasikan Reformasi

Reformasi perundangan dan kehakiman memerlukan komitmen semua pihak termasuklah rakyat. Pihak kerajaan telah memainkan peranan yang luas berasaskan ruang lingkup dan kuasa yang dimiliki. Dalam konteks ini, komitmen yang berterusan dilakukan oleh pihak kerajaan dan rakyat juga hendaklah turut serta tanpa terkecuali bersama dengan kerajaan bagi menjayakan reformasi yang amat penting ini. Sokongan dan pelibatan masyarakat secara menyeluruh, agenda luhur reformasi perundangan dan kehakiman syariah sudah pasti akan menemui kejayaan. Oleh itu, sokongan dan pelibatan masyarakat boleh direalisasikan dengan beberapa langkah yang berikut, iaitu:

Menghormati dan Mematuhi Keputusan Mahkamah Syariah

Masyarakat hendaklah sentiasa menghormati dan mematuhi keputusan yang dibuat oleh mahkamah syariah. Kepatuhan ini bukan sahaja mencerminkan kesedaran masyarakat terhadap undang-undang syariah, tetapi juga membantu mengekalkan integriti dan keadilan dalam pelaksanaan hukum.

Kesedaran Undang-undang

Masyarakat perlu mempunyai kesedaran tentang kepentingan undang-undang syariah dalam menjaga kesejahteraan sosial dan keadilan. Kesedaran dan kefahaman ini perlu diberikan secara menyeluruh tanpa mengabaikan kira agama dan bangsa.

Pendidikan

Pendidikan dan kesedaran merupakan kunci untuk meningkatkan pemahaman masyarakat

terhadap fungsi dan kepentingan mahkamah syariah. Oleh itu, perlu diadakan program pendidikan dan kesedaran yang bertujuan untuk memperkasakan pengetahuan masyarakat. Media massa termasuk televisyen, radio dan media sosial pula perlu dimaksimumkan penggunaannya untuk menyebarkan maklumat yang tepat dan terkini tentang undang-undang syariah.

4 Pelibatan Proaktif

Masyarakat juga boleh memberikan sumbangan terhadap pembangunan perundangan dan kehakiman syariah menerusi pengesyoran idea dan maklum balas secara proaktif. Hal ini termasuklah penyertaan dalam program dialog dan perbincangan tentang isu syariah.

Cadangan dan syor bernas daripada semua pihak amat diperlukan bagi tujuan penambahbaikan (islah) terutama maklum balas dan aduan tentang perkhidmatan mahkamah syariah. Hal ini akan membantu pihak berkuasa syariah untuk menilai dan memperbaiki sistem yang sedia ada. Masyarakat dinasihatkan agar dapat menggunakan saluran pelibatan ini dengan beretika dan berhemah. Jangan sesekali bersikap provokatif dan menyebarkan berita yang tidak benar berkaitan dengan sistem perundangan dan kehakiman syariah negara.

Agenda reformasi sistem perundangan dan kehakiman syariah yang diuraikan ini akan menjadi pemangkin terhadap cita-cita mengangkat martabat perundangan dan kehakiman syariah di negara kita, seterusnya dapat menterjemahkan kerelevanan dan kesyumuluan perundangan dan kehakiman syariah dalam usaha menyempurnakan peranan dan fungsinya sebagai benteng dan pelaksana keadilan Islam yang bersifat sejagat.

Sistem perundangan Islam bersifat anjal atau fleksibel (al-murunah), dan hal ini menjadikannya sentiasa sesuai pada setiap zaman dan tempat. Oleh itu, proses reformasi berterusan akan memastikan hal tersebut sentiasa terbuka menerima perubahan sejajar dengan peredaran masa dan teknologi, namun pada masa yang sama teguh dan utuh menegakkan prinsip keadilan Islam yang syumul dan sejagat demi merealisasikan risalah Islam sebagai *rahmatan li al-'alamin*, iaitu rahmat untuk sekalian alam. 07